



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 26 APRIL 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **100 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **3,862 kes** (66.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Justeru, bilangan kes yang didiscaj hari ini adalah lebih dua kali ganda bilangan kes baru yang dilaporkan.

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 26 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **38 kes baharu** yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **5,780 kes**. Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 adalah **1,820 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Sehingga kini, seramai **36 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 15 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa tiada pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **98 kes** (1.70 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

### **STATUS TERKINI AKTIVITI PENDEKATAN TERTUMPU (TARGETED APPROACH)**

Seperti dimaklumkan sebelum ini, KKM telah mempergiatkan aktiviti pengesanan, penyaringan, ujian, isolasi serta rawatan terutama kepada kumpulan sasar yang berisiko tinggi dengan pendekatan tertumpu (*targeted approach*). Ini telah dijalankan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan.

Antara aktiviti-aktiviti pendekatan tertumpu yang dijalankan bagi menghentikan penularan jangkitan COVID-19 adalah seperti Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi, aktiviti pengesanan di madrasah atau sekolah tahfiz, dan stesen kuarantin khususnya bagi Rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara. Setakat ini hasil daripada aktiviti pendekatan tertumpu yang dijalankan, KKM telah berjaya mengesan lebih banyak kes positif COVID-19.

Sehingga 26 April 2020 pukul 12 tengah hari, bagi aktiviti PKPD didapati seramai 21,466 orang telah menjalani ujian COVID-19 di dalam kawasan PKPD. Setakat ini, 638 kes didapati positif COVID-19 (2.97 peratus). Didapati bahawa daripada jumlah positif COVID-19 ini, seramai 388 kes (61 peratus) adalah bukan warganegara Malaysia dan baki 250 kes (39 peratus) pula adalah warganegara Malaysia.

PKPD yang mempunyai kes-kes baharu pada hari ini adalah Menara City One Plaza (1 kes baharu, menjadikan jumlah kes sebanyak 52 kes), Malayan Mansion (5 kes baharu, menjadikan jumlah kes sebanyak 12 kes) dan Pusat Bandar Utara serta Sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur (9 kes baharu, menjadikan jumlah kes sebanyak 55 kes).

Bagi aktiviti tertumpu di madrasah atau sekolah tahfiz pula, sehingga 25 April 2020, didapati 6,229 orang pelajar, guru dan kakitangan telah menjalani ujian COVID-19. Seramai 341 orang didapati positif COVID-19 (5.47 peratus).

Di stesen kuarantin yang menempatkan pengembara warganegara Malaysia yang balik dari luar negara, sehingga 24 April 2020 5 petang, didapati seramai 12,672 orang telah menjalani ujian COVID-19. Seramai 139 orang didapati positif COVID-19 (1.1 peratus). Daripada jumlah positif COVID-19 tersebut, negara yang telah dilawati adalah: 99 kes melawat Indonesia, 14 kes melawat United Kingdom, 13 kes telah Singapura, 5 kes melawat Turki, 3 kes melawat Belanda, 2 kes melawat Amerika Syarikat, 1 kes masing-masing melawat Thailand, Perancis dan Bangladesh.

Ini menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti pendekatan tertumpu yang diambil Kerajaan setakat ini telah menunjukkan hasil yang diharapkan. Ini diharap dapat mengekang penularan di kalangan kumpulan yang berisiko tinggi ini. KKM menjangka lebih banyak kes positif akan dikenal pasti dalam masa terdekat ini memandangkan aktiviti pendekatan tertumpu ini masih diteruskan.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM akan memantau kejadian jangkitan ini dan orang ramai dinasihatkan untuk terus duduk di rumah (*stay at home*). Sentiasa mengamalkan kebersihan diri yang tinggi seperti kerap membasuh tangan dan mengamalkan sosial yang selamat (*sosial distancing*) iaitu sekurang-kurangnya 1 meter di antara satu sama lain. Orang awam dipohon untuk memainkan peranan masing-masing dalam menangani kejadian COVID-19 di Malaysia.

Maklumat lanjut mengenai kejadian COVID-19 di Malaysia boleh juga didapati melalui saluran telegram CPRC Kementerian Kesihatan Malaysia; <https://t.me/cprckkm>. Maklumat yang diperolehi akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

26 April 2020 @ 4.00 petang

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 26 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	<b>0</b>	<b>18</b>
<b>KEDAH</b>	<b>0</b>	<b>95</b>
<b>PULAU PINANG</b>	<b>2</b>	<b>121</b>
<b>PERAK</b>	<b>0</b>	<b>252</b>
<b>SELANGOR</b>	<b>6 (1)</b>	<b>1,394</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	<b>1</b>	<b>434</b>
<b>MELAKA</b>	<b>1</b>	<b>193</b>
<b>JOHOR</b>	<b>4 (3)</b>	<b>659</b>
<b>PAHANG</b>	<b>0</b>	<b>288</b>
<b>TERENGGANU</b>	<b>0</b>	<b>110</b>
<b>KELANTAN</b>	<b>0</b>	<b>155</b>
<b>SABAH</b>	<b>0</b>	<b>311</b>
<b>SARAWAK</b>	<b>7</b>	<b>485</b>
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	<b>16</b>	<b>1,170</b>
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	<b>1 (1)</b>	<b>79</b>
<b>W.P. LABUAN</b>	<b>0</b>	<b>16</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>38 (5)</b>	<b>5,780</b>